

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 04 April 2017 15:50
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bahan Arkeologi Jadi Tarikan Pelancongan Bantu Jana Ekonomi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



4 APRIL 2017 / 7 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

BAHAN ARKEOLOGI JADI TARIKAN PELANCONGAN BANTU JANA EKONOMI



UUM ONLINE: Bagi menggerakkan industri pelancongan khususnya di negeri Kedah, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar (STHEM) telah mengadakan Syarahan Perdana: Pelancongan Warisan dan Arkeologi Negeri Kedah (Potensi dan Cabaran) di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah, pagi tadi.

Syarahan tersebut menampilkan dua tokoh dalam bidang pelancongan, warisan dan arkeologi di Kedah iaitu Pengerusi Jawatankuasa Agama, Kerjaraya, Pelancongan dan Warisan, Dato' Mohd Rawi Abd Hamid dan Pengarah Pusat penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin.

Sesi syarahan dimulakan dengan Prof Dato' Dr Mokhtar dengan tajuk 'Tapak Arkeologi Sungai Batu dan Jerai Geopark Sebagai Tarikan Baharu Pelancongan di Negeri Kedah'.

Beliau berkata, sejarah Lembah Bujang atau dikenali sebagai Sungai Batu bermula sejak ribuan tahun lagi dari Daerah Yan sehingga ke Sungai Muda yang meliputi pelbagai tapak tetapi lebih banyak yang ditemui merupakan candi.

Tambahnya, penemuan tersebut juga menyebabkan kerajaan menubuhkan Muzium Arkeologi Lembah Bujang pertama pada 1980 yang mempamerkan koleksi arkeologi.

Menurutnya lagi, bahan arkeologi yang dipamerkan di muzium itu merupakan artifak-artifak arkeologi yang ditemui melalui kerja-kerja penyelidikan di ekskavasi arkeologi di tapak-tapak arkeologi di sekitar kawasan Lembah Bujang dengan keluasan 400km persegi.

"Pada 2007, kerajaan ingin membangunkan kawasan Lembah Bujang dan USM telah diarahkan untuk membuat persiapan atau persediaan bagi tujuan tersebut.

"Sepanjang kajian dijalankan, kami menjumpai 97 tapak dan mula membuat kajian terperinci dua tahun selepas itu sehingga kini," katanya.

Beliau berkata, setelah lapan tahun kajian dijalankan sebanyak 52 tapak daripada 97 telah dibuka dan dalam satu kompleks berdekatan, mereka menemui bahan ritual, pelabuhan, peleburan besi dan pengurusan pelabuhan.

Ujarnya, bahan arkeologi tersebut boleh dijadikan produk pelancongan seperti Angkor Wat yang mampu menarik ramai pelancong, seterusnya menjana pendapatan kepada ekonomi negara khususnya negeri Kedah sendiri.

Sementara itu, YB Dato' Mohd Rawi dalam syarahan bertajuk 'Ke Arah memperkasakan industri Pelancongan Negeri Kedah' berkata, Kedah mempunyai pelbagai jenis produk termasuk bahan arkeologi seperti Lembah Bujang yang mana kini perlu diaudit untuk menjadi bertaraf dunia.

Tambahnya, pengkaji dari USM dan UUM yang mempunyai kepakaran dalam promosi mungkin dapat bekerjasama bagi membantu kerajaan negeri untuk mengetengahkan produk ini ke peringkat lebih tinggi supaya dikenali.

Syarahan Perdana itu turut dihadiri Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak yang mana dalam ucapan beliau berkata, sejarah penting dan perlu menjadi kebanggaan untuk generasi muda pada masa hadapan.

Menurutnya, penemuan bahan arkeologi tersebut harus dimanfaatkan juga bagi menarik minat pecinta sejarah termasuk pelancong luar untuk datang ke Malaysia khususnya negeri Kedah, selain menjadi bahan ilmu.

Turut diadakan sesi soal jawab yang dikendalikan Prof Emeritus Dato' Dr Abdul Kadir Lebai Din.

Sebelum itu, kedua-dua tokoh tersebut mengadakan kunjungan hormat ke atas Naib Canselor di Balai Tamu.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.